

**Wanita BN 'jeneral' PRU13**  
**Utusan Online**  
**December 18, 2011**  
**Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED**

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Wanita Barisan Nasional (BN) selaku 'jeneral perang' perlu bersatu membantu Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) nanti.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, ini kerana Najib yang juga Perdana Menteri dan Pengerusi BN boleh dianggap sebagai *Commander in Chief* (panglima perang).

"Kita (Wanita BN) perlu bersiap sedia bila-bila masa bila Perdana Menteri (Najib) umum tarikh pilihan raya. PRU13 ialah pilihan raya luar biasa dan boleh diibaratkan satu peperangan.

"Maka dengan itu, Perdana Menteri ibarat *Commander in Chief* dan kita (perlu) jadi jeneral kepada beliau. Zaman perang, apa yang perlu adalah jeneral-jeneral yang akan memenangkan BN dalam pilihan raya dan kita tidak akan mengecewakan Perdana Menteri.

"Justeru, saya mahu semua (Wanita BN) jadi jeneral bantu Datuk Seri (Najib). Kita mampu melakukannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di program Pemantapan Jentera Pilihan Raya Wanita BN Selangor di Pejabat UMNO Bahagian Ampang, dekat sini hari ini.

Shahrizat yang juga Ketua Wanita UMNO berkata, jentera Wanita BN digesa jangan mengaku kalah sebelum bergerak ke medan peperangan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1218&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)